



SIARAN MEDI

KPKT SASAR BINA 18 WTE BEKAL ELETRIK TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI KEPADA 500,000 KELUARGA MALAYSIA

LANGKAWI, 23 NOVEMBER 2025 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) meneruskan siri jelajah **Sentuhan Kejayaan KPKT** melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dengan melawat **Projek Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Belanga Pechah, Langkawi** pagi ini.

Tapak pelupusan seluas 47 ekar yang beroperasi sejak 1986 ini mampu melupuskan sehingga 124 metrik tan sisa pepejal sehari. Projek penaiktarafan yang sedang dilaksanakan ini menggunakan pendekatan kejuruteraan moden dan bersepadu bagi memastikan operasi tapak dapat digunakan secara berterusan dan memanjangkan jangka hayatnya selaras dengan prinsip pengurusan sisa pepejal secara mesra alam (*environmentally sound manner*).

Projek bernilai **RM25.7 juta** ini turut menggunakan teknologi **reinforced earth wall** sebagai struktur asas dalam sistem kejuruteraan moden. Teknologi ini bukan sahaja meningkatkan keupayaan menampung beban sisa pepejal dengan lebih efisien, malah membantu memelihara persekitaran **Kilim Geoforest Park**. Tapak ini juga merupakan tapak pelupusan pertama di Malaysia yang dibina **di bawah paras laut**, sekali gus menjadikan penggunaan teknologi tersebut sebagai solusi efektif dalam melindungi alam sekitar.

Projek ini dijangka siap pada **tahun 2027** dan merangkumi pembinaan **terramesh wall** sebagai penghadang struktur sel sisa pepejal serta pembinaan kolam air larut resap (*leachate*) yang dilengkapi lapisan **High Density Polyethylene (HDPE) Geomembrane** dan **Geosynthetic Clay Liner (GCL)**.

Menurut YB KM, “Projek menaik taraf tapak pelupusan Belanga Pechah ini merupakan usaha proaktif KPKT dalam memperkukuh sistem pengurusan sisa pepejal negara, khususnya di kawasan pelancongan seperti Langkawi. Dengan peningkatan berterusan kadar janaan sisa pepejal, projek ini bukan sahaja memastikan tapak pelupusan dapat

beroperasi dengan lebih selamat dan mampan, malah turut memelihara alam sekitar serta mengekalkan kesejahteraan komuniti setempat.”

Pada tahun ini, JPSPN turut berjaya menyiapkan dua (2) projek penting dalam pengurusan sisa pepejal iaitu **Projek Menaik Taraf Tapak Pelupusan Sanitari Kemunyang, Sibul, Sarawak** bernilai RM23 juta pada 7 Februari 2025, dan **Projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Bukit Payong, Batu Pahat, Johor** bernilai RM63.8 juta yang siap pada 14 Mei 2025. Kedua-dua projek ini meningkatkan keupayaan pengurusan sisa pepejal negara secara mampan, memastikan pematuhan terhadap piawaian alam sekitar serta memperkukuh infrastruktur tapak pelupusan di negara ini.

Selain itu, JPSPN turut melaksanakan reformasi pengurusan tapak pelupusan yang mencapai telah had operasi melalui pembangunan semula kawasan kepada projek berimpak tinggi seperti **Lestari Park @ Bandar Tenggara, Kota Tinggi, Johor**. Lestari Park menjadi simbol transformasi pengurusan sisa pepejal negara melalui penyediaan ruang riadah yang inklusif, selamat, dan mesra komuniti. Inisiatif ini juga mencipta sejarah apabila diiktiraf oleh *The Malaysia Book of Records* sebagai **“First Stroller-Friendly Recreational Park on a Rehabilitated Solid Waste Landfill”**, sekali gus menzahirkan inovasi dan kepakaran tempatan dalam pemuliharaan tapak pelupusan secara mampan.

KPKT melalui JPSPN komited untuk terus memperkasa pengurusan sisa pepejal negara dengan menggunakan teknologi terkini demi manfaat alam sekitar dan komuniti, termasuk pengurangan bau dan pencemaran, peningkatan kesihatan awam serta pemeraksanaan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan sisa yang lestari.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

